



TEKS UCAPAN
YBRS. TUAN SUTEKNO AHMAD BELON
KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN

SEMPENA

AMANAT TAHUN BAHARU 2023
DAN
PERHIMPUNAN BULANAN
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN

9 JANUARI 2023 (ISNIN)
9.30 PAGI
AUDITORIUM AADK, IBU PEJABAT AADK



TALIAN HOTLINE
HELLO AADK

1-800-22-2235 019 626 2233



WWW.AADK.GOV.MY



[AGENSIANTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA](https://www.facebook.com/AGENSIANTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA)



[AADK.MALAYSIA](https://www.instagram.com/AADK.MALAYSIA)



[AADKMALAYSIA](https://twitter.com/AADKMALAYSIA)



[AADK.TV](https://www.youtube.com/AADK.TV)

Lebih Baik Cegah

#DadahTerkawal2025

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan Salam
Sejahtera

SALUTASI

Yang Dihormati Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

YBrs. Puan Chan Hong Jin

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

YBhg. Dato' Dr Muhamad Sade bin Mohamad Amin

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Pengarah-pengarah Bahagian;

Pengarah Pusat Latihan AADK;

Pengarah-pengarah AADK Negeri;

Pengarah-pengarah PUSPEN;

Tuan-tuan dan puan-puan warga kerja AADK

PENDAHULUAN

1. Pertamanya, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada tahun baharu 2023 ini.
2. Masih belum terlewat lagi untuk saya dan barisan Pengurusan Tertinggi AADK mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Tahun Baharu Masihi 2023 buat seluruh warga Agensi Antidadah Kebangsaan yang saya kasihi sekalian.
3. Saya menyeru agar semua warga AADK dapat memulakan tahun baharu 2023 ini dengan penuh semangat, azam serta iltizam yang tinggi.
4. Semoga tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang akan dikurniakan semangat dan iltizam untuk memikul amanah dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan komitmen dalam meningkatkan mutu pencapaian prestasi agensi dengan lebih cemerlang.
5. Terlebih dahulu, saya bersama kepimpinan tertinggi AADK ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga AADK atas komitmen berpasukan

yang ditunjukkan semasa menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat sepanjang tahun 2022 yang lepas.

6. Menerusi kerjasama yang erat dan berpasukan ini telah memperlihatkan AADK sebagai sebuah agensi yang berupaya menjadi agensi utama memerangi dadah.
7. Buktinya kejayaan mengimplimentasikan semua program yang dirancangan sepanjang tahun 2022 berjaya dilaksanakan.
8. Maka dengan itu, jelaslah bahawa kejayaan yang dikecapi AADK pada hari ini adalah hasil dambaan sinergi seluruh pojok warga AADK baik diperingkat kumpulan pelaksana, profesional dan pengurusan utama yang memastikan peranan dan fungsi agensi berada pada tahap cemerlang.

PENCAPAIAN TAHUN 2022

Warga AADK yang saya hormati,

9. Sekali lagi saya zahirkan syukur Alhamdulillah, ke hadirat Allah SWT kerana kita berjaya mengharungi cabaran hebat sepanjang tahun 2022 dengan keazaman dan kecekalan.

10. Sepanjang tahun 2022, kita sekali lagi diuji dengan pelbagai cabaran, iaitu bermula dari Pandemik COVID-19 hingga ke Endemik COVID-19, perubahan politik serta bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir.
11. Diharap semua ini dapat menjadi pemangkin untuk kita terus berusaha dengan lebih kuat lagi pada tahun ini.
12. Di sebalik cabaran-cabaran tersebut, suka untuk saya mulakan ucapan ini dengan berita yang menggembirakan, dengan merakamkan ucapan tahniah di atas kejayaan- kejayaan AADK sepanjang tahun 2022.
13. Biarpun terdapat kekangan, namun AADK berjaya melaksanakan program-program dan aktiviti yang di rancang khususnya dalam tiga bidang teras AADK iaitu bidang rawatan dan pemulihan klien; bidang pencegahan serta bidang penguatkuasaan dan keselamatan.
14. Sama juga dengan penganjuran dan penyertaan program-program di peringkat antarabangsa seperti *43rd ASEAN Senior Officials Meeting on Drug Matters* yang berlangsung pada 30 Oktober hingga 4 November di Kuala Lumpur.

15. Semua ini tidak akan tercapai tanpa kerjasama dan komitmen padu kita semua dalam memastikan setiap gerak kerja mampu dilaksanakan secara kolektif antara semua warga AADK di semua peringkat iaitu Ibu Pejabat, Pejabat AADK Negeri, Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dan Pejabat AADK Daerah.
16. Ini juga adalah bukti komitmen dan kualiti kerja warga AADK, yang bersama-sama menjayakan dasar-dasar utama Kerajaan pada tahun lepas, seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Ke-12, Keluarga Malaysia dan Kempen Kita Demi Negara di peringkat KDN.
17. Saya amat berpuas hati dan berbangga dengan pencapaian ini. Saya berharap momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan pada tahun 2023. Antara peristiwa penting dan pencapaian AADK sepanjang tahun 2022 adalah:
- i. Penganjuran 43rd ASEAN Senior Officials Meeting On Drugs Matters***
 - ii. Simposium Sains Penagihan Dadah Kebangsaan 2022**
 - iii. Majlis Pentauliah Persijilan AADK 2022 kali yang pertama**

- iv. **Pelancaran Program Rawatan dan Pemulihan Bergerak AADK (MRT AADK) oleh Menteri Dalam Negeri**
- v. **Anugerah Gangsa *Community Recognition Award* Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**
- vi. **Pelancaran Kelompok Sokongan Keluarga Kepulihan (KSKK) yang disempurnakan KDYMM Pemangku Raja Pahang**
- vii. **Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Genting World of Resort dan Petronas**
- viii. **Kolaborasi Kempen Kesedaran Dengan Malaysian Buskers (MYBC)**
- ix. **Keahlian SKUAD Antidadah AADK berjumlah 100,576 orang**
- x. **39 Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) dihindarkan, 71% klien AADK kekal pulih**
- xi. **99.38% OE dan 99.46% DE dibelanjakan bagi Peruntukan 2022**

xii. **PLAK** mendapat akreditasi HRD Corps untuk tawarkan **3 Sijil Kompetensi** kepada syarikat swasta.

18. Bagi tahun 2022, AADK merawat pulih seramai 44,754 orang penagih menerusi Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Komuniti ('RPDK'). **Daripada jumlah itu, bagi tempoh Januari hingga November 2022, seramai 17,151 klien telah dinilai dan hasil penilaian itu mendapati seramai 12,212 klien mencapai tahap kepulihan.** Pencapaian itu dinilai menerusi *kaedah Cure and Care Recovery Index (CCRI)* yang ditetapkan.
19. Menerusi jumlah itu juga, **AADK pada tahun 2022 berjaya mencapai paras 71 peratus kadar klien kekal dalam kepulihan** seperti yang disasarkan berbanding hanya 65 peratus yang dicapai pada tahun 2021.
20. Selain itu, AADK juga berjaya mengekalkan pencapaian bagi petunjuk prestasi utama (KPI) **menghijaukan 39 Kawasan Berisiko Tinggi (KBT) pada tahun 2022.** Melihat kepada momentum kejayaan ini bermula sejak 2021, **AADK meletak harapan lebih tinggi untuk menghijaukan 78 KBT lagi pada tahun 2023.** Ini kerana, AADK mengesan sebanyak 155 KBT di seluruh negara yang perlu dihijaukan bagi tempoh 2021 hingga 2025.

Warga AADK sekalian,

21. Dalam kita mengetengahkan perkhidmatan kepada klien sedia ada iaitu Klien Dalam Komuniti dan Klien Dalam Institusi, tumpuan untuk membantu mereka yang sukar mendapatkan perkhidmatan merawat pulih di fasiliti AADK turut menjadi keutamaan pada tahun 2022. Perkara itu diterjemahkan dengan mewujudkan perkhidmatan secara bergerak iaitu *Mobile Recovery Treatment* (MRT AADK) yang dilancarkan pada Mei 2022.

22. **Pada Jun 2022, AADK menyasarkan sebanyak 9 peratus atau 1,427 orang mendapat capaian perkhidmatan MRT AADK di seluruh negara. Meskipun produk ini adalah produk baharu AADK dan sudah pasti banyak rintangannya, namun AADK berupaya menyebarkan perkhidmatan MRT AADK kepada 3,444 orang melebihi daripada sasaran awal pada tahun 2022.**

23. Sehubungan itu, pada tahun ini, **AADK menyasarkan sebanyak 20 peratus lagi capaian MRT AADK** bagi kategori klien komuniti yang bukan klien AADK serta klien daripada agensi lain seperti Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

24. Selain daripada itu, **perbelanjaan peruntukan mengurus AADK bagi tahun 2022 mencapai 99 peratus berbanding 97.82 peratus pada tahun 2021**. Prestasi perbelanjaan Pusat Tanggungjawab (PTj) tertinggi ialah sebanyak 100 peratus manakala prestasi terendah pula direkodkan sebanyak 95 peratus. Tahniah dan terima kasih kepada semua PTj atas usaha untuk melaksanakan program dan aktiviti di bawah peruntukan mengurus tahun 2022.
25. Juga diingatkan bahawa, perolehan rutin dan *one-off* perlu diselesaikan sebelum suku pertama tahun 2023. Semua program dan aktiviti perlu dilaksanakan mengikut ketetapan di bawah Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) yang diluluskan oleh Pegawai Pengawal KDN.

Warga AADK yang saya hormati,

26. Pada tahun lepas, AADK melakar satu lagi sejarah apabila Pusat Latihan AADK (PLAK) berjaya melahirkan **seramai 309 pegawai yang tamat latihan Persijilan Tahap 1** bagi tiga program persijilan AADK iaitu Sijil Amalan Pendidikan Pencegahan (CPE), Sijil Amalan Rawatan dan Pemulihan (CPP) serta Sijil Amalan Penguatkuasaan (CEP) yang mula dilaksanakan sejak tahun 2021 lagi.

27. Pusat Latihan AADK yang kini telah menjangkau usia 18 tahun akhirnya berjaya melahirkan pegawai agensi yang berpengetahuan dan kompeten selepas berjaya lulus dengan cemerlang empat modul bagi CPE dan CPP manakala tiga modul bagi CEP untuk tahap 1 iaitu Peringkat Asas.
28. Program persijilan yang ditawarkan oleh Pusat Latihan AADK adalah bersifat komprehensif dan berkualiti dalam tiga bidang teras utama AADK bermula daripada:
- i. **Peringkat Asas (Tahap 1);**
 - ii. **Pertengahan (Tahap 2);**
 - iii. **Peringkat Lanjutan (Tahap 3); dan**
 - iv. **Peringkat Kepakaran (Tahap 4)** dengan jumlah keseluruhan sebanyak 12 program persijilan.
29. Alhamdulillah, Majlis Pentauliahan Persijilan AADK 2022 juga telah diadakan pada 24 November 2022 dan majlis itu adalah yang pertama seumpamanya dilaksanakan oleh Pusat Latihan AADK. Pada majlis itu juga, AADK menganugerahkan **Saudari Puan Nurhafizah binti Desa, Pegawai AADK Negeri Johor sebagai penerima Anugerah Ketua Pengarah** selepas berjaya

mencapai skor paling tinggi iaitu sebanyak **95.5 peratus**.
Tahniah dan syabas diucapkan.

30. Sepanjang tahun 2022 juga, Pusat Latihan AADK berjaya menganjurkan **sebanyak 198 kursus dan latihan** yang disertai seramai 8,638 pegawai dan kakitangan AADK. Daripada jumlah itu, sebanyak 81 ialah kursus pengurusan am, 35 kursus pencegahan, 45 kursus rawatan, perubatan dan pemulihan, 21 kursus penguatkuasaan manakal 16 kursus teknologi maklumat.

Warga AADK yang saya hormati,

31. Selain usaha-usaha di peringkat dalam negara, AADK terus memperhebatkan dan memperkukuh kerjasama di peringkat antarabangsa. Pelbagai program bilateral telah diselaraskan dan dianjurkan oleh AADK.
32. Pada tahun 2022, **AADK telah menyelaras 18 mesyuarat, 4 bengkel perkongsian data, 2 forum, 2 sesi perbincangan ilmiah dan 7 program latihan peringkat serantau dan antarabangsa** sama ada yang dijalankan secara tahunan mahupun melalui jemputan.
33. Sementara itu, seramai 65 pegawai AADK telah menyertai pelbagai program di peringkat antarabangsa seperti mesyuarat,

program latihan, persidangan dan bengkel sepanjang tahun 2022.

34. Pada tahun 2022 juga, hubungan baik antara AADK dengan agensi antidadah di negara-negara ASEAN turut diperkukuhkan dengan mesyuarat bilateral yang dilakukan secara telesidang iaitu Myanmar dan Indonesia. AADK juga telah berkunjung ke Singapura di atas jemputan *Central Narcotics Bureau Singapore* bagi mesyuarat bilateral dan melawat fasiliti rawatan pemulihan di dalam institusi dan komuniti serta jagaan lanjutan.
35. Pada tahun ini juga, AADK telah menjadi tuan rumah bagi penganjuran *43rd ASEAN Senior Officials Meeting on Drug Matters* yang dilaksanakan pada 30 Oktober hingga 4 November di Kuala Lumpur.

Warga AADK yang saya hormati,

36. Pelan strategik komunikasi AADK tidak hanya tertumpu kepada penggunaan saluran media luar semata-mata. Sebaliknya, sejak 2021, AADK telah merangka pelan strategik yang lebih konsensus meliputi media konvensional dan media baharu.
37. Sejak tahun 2021 lagi, AADK telah menyusun dan merangka penghebahan maklumat dan berita berkenaan agensi melalui

platform media sosial rasmi agensi iaitu *Facebook, Twitter, Instagram, YouTube, Telegram*, paparan maklumat boleh ubah (VMS) di semua lebuhraya seluruh negara dan terbaharu aplikasi *TikTok*.

38. Saluran AADK TV menerusi *YouTube* telah dimantapkan lagi dengan mengetengahkan 7 segmen rancangan iaitu Berita AADK, Hi AADK, Khabar Dari PTj, Selami Jiwa Kami, Lebih Baik Cegah, Ask Mr. AADK dan Bicara AADK.
39. Setakat hari ini, **AADK TV mempunyai 12,200 pelanggan**. Jika dianalisis, jumlah penonton dan pelanggan masih belum memberangsangkan, namun usaha berterusan untuk memperhebat kandungan dan memanfaatkan sepenuhnya menggunakan platform ini perlu diteruskan dalam usaha menguar-uarkan berita-berita terkini mengenai aktiviti agensi di seluruh pojk tanah air.
40. Sehubungan itu, saya berharap agar semua pihak baik daripada AADK Negeri, Pusat Latihan AADK (PLAK), PUSPEN dan AADK Daerah dapat mendambakan sinergi dalam menyumbangkan kandungan menarik sebagai usaha penambahbaikan.

41. Pun begitu, penggunaan media sosial yang meluas oleh pelbagai lapisan masyarakat pula seharusnya dapat memberi kelebihan kepada AADK.
42. Namun, penggunaannya juga boleh memberikan kesan buruk kepada masyarakat, di mana terdapat segelintir pihak yang cuba mengambil kesempatan menggunakan medium ini untuk menyebarkan fitnah dan maklumat-maklumat yang salah dan tidak tepat
43. Disinilah terletak cabaran kepada semua PTJ yang memiliki akaun media sosial, iaitu cara pengendalian media sosial untuk kelebihan kita.
44. Platform-platform popular seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Telegram* dan *TikTok* AADK, sekiranya digunakan secara bijaksana, boleh menjadi medium untuk kita menyampaikan maklumat-maklumat terkini dengan cepat dan tepat.

PERMASALAHAN PENYALAHGUNAAN DADAH GLOBAL

Warga AADK yang saya hormati,

45. Situasi permasalahan dadah semakin hari semakin mencabar. Menurut Laporan Pemantauan Dadah ASEAN (*ASEAN Drug Monitoring Report*) 2021, dalam tempoh lima tahun yang lalu, seramai 2.3 juta penyalah guna dadah yang berumur di antara 26 hingga 48 tahun telah mendapatkan rawatan di fasiliti rawatan dan pemulihan dadah di negara ASEAN.
46. Daripada jumlah ini, **63.7 peratus adalah pengguna dadah baharu**. Walaupun berdepan pandemik COVID-19, akses kepada perkhidmatan rawatan dan pemulihan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 36 peratus sejak tahun 2019.
47. Berdasarkan populasi di negara ASEAN, **seramai 88 orang daripada 100,000 jumlah penduduk telah mendapatkan rawatan penagihan dadah dengan 68 peratus daripada mereka adalah pengguna dadah jenis *Amphetamine-Type Stimulants* (ATS), manakala 26 peratus pula pengguna dadah jenis opiat dan 3.5 peratus lagi ialah penagih ganja.**

PANDEMIK/ ENDEMIK COVID-19

Warga AADK yang saya hormati,

48. Tiada siapa pernah menyangka COVID-19 telah berjaya mengubah hampir keseluruhan cara kita berfikir, bekerja dan menguruskan negara. Tiada siapa pun di antara kita yang berpengalaman berdepan dengan situasi ekonomi, sosial dan politik yang begitu dinamik seperti hari ini.
49. Ini adalah kerana COVID-19 bukan sahaja satu fenomena perubatan, tetapi juga membawa impak dari segi ekonomi dan perubahan rutin harian. Wabak ini telah menimbulkan banyak ketidaktentuan tentang masa hadapan, sekali gus menimbulkan kebimbangan semua.
50. Pada April yang lalu, kita telahpun beralih dari fasa pandemik kepada endemik, situasi di mana sesuatu penyakit itu sentiasa wujud dalam sesuatu masyarakat atau tempat. Maksudnya, COVID-19 akan sentiasa ada bersama kita, cuma pada kadar yang terkawal.
51. Oleh itu, langkah-langkah adaptasi atau menjaga kesihatan serta kebersihan penting untuk kita utamakan bagi mengawal

sebarang penyakit yang boleh menjejaskan proses kerja dan aktiviti harian seseorang.

52. Sebenarnya, ada banyak hikmah di sebalik musibah yang melanda ini dalam kita mempraktikkan norma baharu seperti kemahiran penggunaan teknologi yang dapat meneruskan kerja harian walaupun dimana jua kita berada.

BANJIR DI LEMBAH KLANG/BALING, KEDAH

Tuan-tuan/ Puan-puan serta warga AADK sekalian,

53. Penghujung tahun 2022 lalu, kita dikejutkan dengan fenomena banjir luar biasa yang berlaku di sekitar Lembah Klang, Pantai Timur dan di sebelah utara. Bencana ini merupakan fenomena semulajadi yang berlaku hampir setiap tahun di kebanyakan negeri, namun di pertengahan tahun 2022 sekali lagi berlaku banjir kilat yang teruk di sekitar Lembah Klang.
54. Saya merasa amat sedih dan bersimpati dengan kehidupan mangsa yang terjejas teruk oleh kejadian bencana alam ini. Saya menzahirkan ucapan sekudus takziah kepada mangsa dan menginsafi bahawa bencana alam seperti banjir mungkin tidak dapat dielakkan. Inilah alam ciptaan Allah, dan kita sebagai manusia tidak dapat menahan ketentuan-Nya, tapi perlu

sentiasa yakin bahawa Allah akan mengurniakan yang terbaik kepada kita hamba-hamba-Nya.

55. Justeru, saya menyeru agar usaha ke arah pemulihan dan persiapan diri dengan ilmu menghadapi risiko bencana alam dipergiatkan. Kita hendaklah sentiasa bersedia dan cakna dengan sebarang informasi, agar dapat mengambil langkah segera dari aspek keselamatan diri, keluarga dan harta benda, supaya berada dalam keadaan selamat.
56. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada warga AADK dan sukarelawan Skwad ANTIDADAH AADK yang turut sama turun padang menyumbang masa, tenaga dan keringat dalam membantu mangsa-mangsa banjir di beberapa negeri khususnya kejadian banjir lumpur di Baling, Kedah pada Julai 2022.
57. Semangat solidariti sedemikian bukan hanya membantu ke arah kepulihan klien, malah AADK yang mengamalkan perkhidmatan mesra rakyat mahu berada seiring dengan masyarakat walau senang ataupun susah. Semangat inilah dikatakan lambang perpaduan AADK dalam memperjuangkan nasib mereka khususnya mereka yang terjebak dengan permasalahan dadah. Saya amat menghargai usaha keras warga AADK dan saya mendoakan agar Allah SWT membalas kebaikan ini semua.

58. Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri telah melancarkan Misi Bantuan Banjir ke Pantai Timur oleh **Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail**, Menteri Dalam Negeri menerusi “Bakul Makanan” yang merupakan barangan keperluan harian. Ini melibatkan seluruh Jabatan dan Agensi di bawah KDN termasuk AADK yang sentiasa bersiap siaga memberi bantuan dari segi barangan dan juga bantuan tenaga kerja.

ISU, CABARAN DAN EKSPEKTASI TAHUN 2023

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

59. Dalam kita melangkah ke tahun 2023, penjawat awam perlu sentiasa melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Membangunkan perkhidmatan awam berprestasi tinggi hanya akan dapat dicapai dengan adanya warga Jabatan yang berkemahiran memimpin, berdaya fikir inovatif dan bermandiri menghadapi cabaran.

60. Nilai-nilai kompeten inilah yang mampu meningkatkan pencapaian warga AADK, sekali gus meyakinkan pemegang taruh dan rakyat terhadap perkhidmatan berkualiti, seperti yang dijanjikan.

61. Tahun baharu ini pastinya membawa cabaran-cabaran baharu yang perlu kita tempuh bersama. Sebagai sebuah agensi besar, dengan 14 AADK Negeri, 30 buah PUSPEN serta 109 AADK Daerah, terdapat pelbagai isu-isu berbangkit dan perlu diselesaikan.
62. Antara perkara yang perlu diberi perhatian semula adalah usaha meningkatkan koordinasi antara warga AADK di seluruh Malaysia. Usaha ini sangat penting bagi melancarkan pelaksanaan dasar-dasar dan menggerakkan jentera
63. Justeru, adalah wajar bagi semua Ketua PTJ untuk menilai semula kerjasama yang telah wujud, dan segera meningkatkan kerjasama strategik secara holistik. Ini kerana, setiap PTJ tidak lagi boleh bergerak secara silo dan perlu bersikap **“facilitating”**, agar penyelarasan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan berkesan.
64. Setiap PTJ perlu memainkan peranan yang lebih signifikan dan memastikan mekanisme kawalan dalaman sentiasa dilaksanakan. Ini penting bagi memastikan program-program yang akan dilaksanakan menepati objektif yang ditetapkan, seterusnya memberi impak yang maksimum kepada kumpulan sasaran.

65. Akhir sekali, dalam kita mendepani isu dan cabaran- cabaran yang saya sebutkan tadi, kejayaan sesebuah organisasi tidak akan dapat dicapai dengan mudah sekiranya nilai bersama atau ***shared values*** tidak dihayati oleh warganya.

HALA TUJU AADK PADA TAHUN 2023

Warga AADK yang saya hormati,

66. Sebagai agensi peneraju menangani isu atau permasalahan dadah dan bahan di Malaysia, sudah pastinya banyak perkara menjadi kepakaran warga AADK. Bahkan, adalah menjadi suatu kemestian untuk warga kita menguasai segala bentuk pengetahuan, kemahiran dan kepakaran dalam menangani permasalahan dadah khususnya menerusi tiga bidang teras AADK iaitu bidang rawatan dan pemulihan, bidang pendidikan pencegahan serta bidang penguatkuasaan dan keselamatan.

67. Sehubungan itu, bagi memastikan pelaksanaan program dan aktiviti dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan hala tuju AADK tahun 2023 dapat direalisasikan, semua pihak perlu berpegang kepada 10 strategi berikut:

- i. **memantapkan tadbir urus organisasi dan integriti pegawai** bagi meyakinkan masyarakat bahawa AADK

utuh, telus dan adil dalam menjalankan kewajipannya namun tetap beradab dan mesra pelanggan dalam memberikan perkhidmatan kepada klien dan masyarakat Malaysia;

- ii. **memperluaskan liputan program pencegahan berasaskan Model i-Cegah AADK** menerusi pendekatan pencegahan dadah bermula di rumah. Lebih Baik Cegah!;
- iii. **membangunkan satu sistem profiling merangkumi data penagih dadah dan anggaran penagih dadah di Malaysia** bagi meningkatkan pengesanan secara aktif Orang Yang Disyaki (OYDS) menyalah guna dan menagih dadah di setiap daerah melalui pelaksanaan Model i-Prihatin AADK.
- iv. **memperkukuhkan program rawatan dan pemulihan klien dalam institusi dan program rawatan dan pemulihan klien dalam komuniti berasaskan Model i-Pulih AADK** melalui Program Biopsikososial spiritual berlandaskan pembuktian (*evidence based*);
- v. **memperluas capaian perkhidmatan melalui perkhidmatan bergerak atau *Mobile Recovery***

Treatment (MRT AADK) untuk merawat klien di luar premis dan fasiliti AADK secara teratur dan berstruktur;

- vi. **memperkukuh Recovery Capital melalui Program Sokongan Pengekalan Kepulihan melalui Model Kelompok Sokongan Keluarga Kepulihan (KSKK);**
- vii. **meningkatkan kapasiti dan keupayaan pegawai-pegawai AADK dengan memberi pengiktirafan pegawai AADK sebagai pakar dalam kaunseling melalui Pensijilan Perakuan Amalan AADK;**
- viii. **menggalakkan penyelidikan ilmiah sebagai salah satu tunjang untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam bidang-bidang teras AADK;**
- ix. **memperkukuhkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa dan badan-badan dunia berkaitan kawalan ke atas dadah dan pada masa yang sama terlibat aktif di peringkat antarabangsa bagi melindungi kepentingan Malaysia; dan**
- x. **mengamalkan persekitaran tempat kerja yang bersih, kemas, selamat dan sihat bagi memberikan keseronokan kepada warga AADK untuk bekerja.**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

68. Prestasi keseluruhan AADK diukur melalui dua KPI utama iaitu **Kadar Penyalahgunaan dan Penagihan Dadah di Malaysia** yang dilihat melalui **bilangan kes bagi setiap 100 ribu penduduk** dan juga **Kadar Kepulihan Klien** yang diukur melalui **peratusan kepulihan klien** yang telah menjalani program rawatan dan pemulihan di AADK atau peratusan **relapse** klien tersebut.
69. Sasaran bagi Kadar Penyalahgunaan dan Penagihan Dadah di Malaysia pada tahun 2023 adalah sebanyak **440 kes bagi setiap 100 ribu penduduk**. Sehingga September 2022, kadarnya adalah **395 kes** dan pada tahun 2021 ialah 377 kes. Sasaran Dadah Terkawal menjelang tahun 2025 adalah sebanyak 400 kes bagi setiap 100 ribu penduduk.
70. Sasaran bagi Kadar Kepulihan Klien bagi tahun 2023 adalah pada kadar 75 peratus kepulihan klien yang telah menjalani program rawatan dan pemulihan di AADK atau 28 peratus *relapse*.
71. Bagi menyokong kedua-dua KPI tersebut, AADK menetapkan bahawa bagi tahun 2023, sekurang-kurangnya 91 peratus OYDS di setiap daerah hendaklah ditangkap untuk menjalani

rawatan dan pemulihan sama ada di institusi atau di komuniti dan setiap PUSPEN perlu mempunyai klien sebanyak 90 peratus daripada kapasitinya pada setiap masa sepanjang tahun.

72. Justeru, dua KPI utama dan 10 Strategi Hala Tuju akan menjadi tumpuan utama AADK dalam mengemudi sistem rawatan dan pemulihan serta pencegahan dadah negara yang dahagakan sinergi antara warga AADK, jabatan dan agensi penguatkuasaan lain, pemimpin setempat, NGO dan ibu bapa yang menjadi kunci kejayaan pencegahan awal gejala dadah.
73. Sehubungan itu, pencapaian sasaran KPI ini adalah berpandukan kepada 10 strategi hala tuju AADK 2023 yang telah saya gariskan sebelum ini.
74. Semua program dan aktiviti sepanjang tahun 2023 perlu menjurus kepada pencapaian sasaran KPI yang menjadi kayu ukur kepada prestasi keseluruhan AADK.

Warga AADK yang dikasihi,

75. Isu permasalahan dadah dan bahan ini adalah masalah sosial negara yang bersifat umum. Jadi, seluruh nuansa perlu berganding bahu dalam membendung musuh nombor satu

negara. Justeru, semua pihak khususnya di peringkat Ibu Pejabat, Pengarah AADK Negeri, Pengarah PUSPEN perlu lebih aktif untuk ‘mencuri’ sokongan pihak-pihak berkepentingan di tempat bertugas masing-masing dalam menyelesaikan permasalahan tersebut.

76. Partisipasi pelbagai pihak terutama pemimpin komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) setempat jelas menampakkan kesepakatan, perpaduan dan solidariti bagi membanteras penyalahgunaan dadah dan bahan di negara ini. Besar harapan saya agar masyarakat setempat turut bersama-sama AADK dalam membanteras masalah sosial agar komuniti setempat bebas daripada pengaruh dadah.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

77. Dikesempatan ini juga, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah atas segala usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua lapisan warga AADK atas kejayaan yang dicapai sepanjang tahun 2022.

78. Sesungguhnya tahun 2023 dijangka akan memberi cabaran yang lebih besar. Justeru, setiap warga AADK diharap sentiasa dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang untuk sama-sama membina masa hadapan Malaysia yang lebih baik.
79. Sebagai langkah ke hadapan, momentum kejayaan tahun lalu perlu kita teruskan dengan perancangan dan pelaksanaan yang lebih teliti dan bijak.
80. Semoga kita semua akan terus kuat menempuh cabaran mendatang sebagai satu pasukan warga pemulihan yang kuat, padu dan saling menyokong antara satu sama lain.
81. Semoga semua warga AADK yang dikasihi terus beristiqamah dan beriltizam untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dengan lebih cemerlang dan berintegriti.
82. Saya juga menyeru seluruh warga AADK terus kekal mengamalkan penjagaan sendiri dan sentiasa patuh kepada pelaksanaan dasar-dasar yang terkini supaya dapat menjadikan ianya sebagai punca kejayaan.

Sekian, Wa billahi taufik wal hidayah Wassalamu 'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.

Terima kasih.